

KTPK 18/4/2.01 Jld. 3 / (38)



Ibu Pejabat
Jabatan Ukur Dan Pemetaan
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur

27 hb Disember, 1990.

PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.2 TAHUN 1990 **Katalog Peta Rampaian**

1. Tujuan

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan semua Pengarah bahawa satu terbitan bertajuk 'Katalog Peta Rampaian' telah dicetak oleh Direktorat Pemetaan Negara untuk keluaran umum.

2. Latarbelakang

- 2.1 Sehingga kini maklumat mengenai jenis-jenis peta terbitan Direktorat Pemetaan Negera disebarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan kepada semua yang berkenaan melalui satu dokumen bertajuk 'Katalog Peta PPNM No: 2'.
- 2.2 Katalog yang tersebut mengandungi maklumat yang termasuk peta-peta terhad dan juga peta-peta am yang mana penjualannya tidak terhad. Pembahagian Katalog ini hanya untuk penerima yang tertentu dan oleh demikian tidak semua yang berminat dapat memperolehi senaskah.
- 2.3 Semua Pengarah Ukur telah dibekalkan dengan Katalog Peta yang tersebut di atas ini.

3. Masalah

Jabatan Ukur dan Pemetaan sering kali menerima permintaan-permintaan daripada pihak tertentu untuk mengetahui akan jenis peta yang dikeluarkan untuk jualan. Permintaan ini datang daripada pihak tempatan dan juga luar negeri. Oleh kerana Katalog Peta PPNM No:2 merupakan satu terbitan terhad dan untuk kegunaan rasmi sahaja, Jabatan Ukur hanya dapat membalas permintaan tersebut dengan menghantar senarai harga peta yang sedia ada. Senarai ini cuma memberi maklumat ringkas

mengenai peta terbitan Jabatan Ukur dan Pemetaan selain daripada harga-harga peta. Ini sudah pasti tidak dapat memberi gambaran yang jelas atau memuaskan bagi menjawab pertanyaan seperti ini.

4. Katalog Peta Rampaian

- 4.1 Bagi mengatasi masalah tersebut dan juga untuk meningkatkan imej Jabatan Ukur dan Pemetaan sebagai penerbit peta yang tunggal dalam Malaysia 'Katalog Peta Rampaian' dicetak.
- 4.2 Katalog ini diterbitkan dalam dua bahasa untuk melayani permintaan dari dalam dan luar negeri yang kian bertambah.
- 4.3 Hanya maklumat dan contoh siri-siri peta atau peta-peta yang tidak terhad diberi dalam Katalog Peta Rampaian.
- 4.4 Katalog ini bolehlah diberi dengan percuma kepada mereka yang berminat. Adalah dicadangkan supaya semua Pengarah Ukur Negeri, termasuk Pengarah Ukur Topografi (Sabah) dan Pengarah Ukur Topografi (Sarawak) menghantar beberapa salinan Katalog ini kepada Jabatan/Agensi Kerajaan dan badan berkanun di negeri masing-masing untuk makluman mereka.

5. Lain-Lain

- 5.1 Satu salinan Katalog Peta Rampaian dilampirkan untuk maklumat tuan.
- 5.2 Stok Katalog akan dihantar kepada pejabat tuan berasingan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP.)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

Edaran:

Semua Pengarah Ukur Negeri
Pengarah Ukur Topografi Semenanjung Malaysia

Pengarah Ukur Topografi Sabah
Pengarah Ukur Topografi Sarawak

Salinan Kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Pemetaan

Penolong Pengarah Pemetaan Negara (Tentera)

Pengarah Ukur Kadaster

Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan

Timbalan Pengarah Ukur Kadaster

Timbalan Pengarah Ukur Kadaster (Unit Khas)

Ketua Pegawai Penyelidik Peta